

10/10/1997

MTUC mahu kadar tol tidak dinaikkan

KUALA LUMPUR, Khamis - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini mendesak kerajaan supaya tidak menaikkan kadar tol sembarangan terutama ketika negara menghadapi masalah ekonomi berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Presidennya, Zainal Rampak, berkata kadar tol sudah beberapa kali dikaji semula sejak tiga tahun lalu dengan kenaikan lebih 30 peratus berbanding kadar yang ditetapkan pada 1994.

Sebaliknya, kata beliau, kenaikan gaji tidak meningkat sedemikian banyak, sekali gus memaksa pekerja berpendapatan rendah mengambil langkah berjimat-cermat.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) misalnya, telah menangguk cadangan untuk melanjutkan tempoh cuti bersalin bagi kakitangan wanita, kajian semula pencen dan kajian perbandingan skil gaji di antara sektor swasta dan kerajaan berikutan langkah penjimatan kerajaan.

"Syarikat besar seperti Penerbangan Malaysia (MAS) turut menyatakan sokongan membantu kerajaan mengukuhkan kewangan negara dengan menyerahkan sebahagian daripada pendapatannya kepada kerajaan.

"Berdasarkan sokongan pihak swasta dalam menangani masalah yang dihadapi negara, kita tidak nampak kenapa Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (Plus) perlu meminta dinaikkan kadar tol ketika negara mengalami detik sukar seperti sekarang.

"Oleh itu, kita berharap kerajaan tidak melayani permintaan untuk memenuhi syarat konsesi yang bertujuan mendapat keuntungan cepat daripada perbelanjaan orang ramai," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, semalam berkata, kerajaan meluluskan kenaikan sekali lagi tol Lebuhraya Utara-Selatan pada Januari depan walaupun kajian semula terhadap kadar tol di lebuhraya di negara ini masih dijalankan.

Kenaikan itu, kata Samy, perlu bagi mengelak kerajaan membayar pampasan kepada Plus sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi di antara kerajaan dan syarikat terbabit.

Zainal berkata, kesatuan menyokong penuh usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk mengukuhkan ekonomi dalam keadaan serba sukar sekarang.

Menurutnya, kesatuan berpendapat semua pihak perlu bekerjasama dengan kerajaan atas semangat patriotik bagi menangani krisis yang dilakukan pihak luar.

"MTUC terus berusaha bekerjasama dengan pemimpin negara bagi mencapai kejayaan mengukuhkan ekonomi sambil mengharungi beberapa halangan tersembunyi dalam usaha itu," katanya.

(END)